

D107

U B329 DEB
MAHATHIR - SABAH
(I)

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU BELUM MEMPUNYAI MASA YANG TERLUANG UNTUK MELAWAT SABAH.

+ SAYA TERLALU SIBUK,+ KATANYA BILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN KOMPUTER PERTAMA BUATAN MALAYSIA - THE ACCENT 2001 - DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

PERDANA MENTERI TELAH DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MELAWAT NEGERI ITU, YANG SEKARANG MENGHADAPI KRISIS POLITIK SELEPAS PARTI BERSATU SABAH (PBS) BERKUASA.

BEKAS PERDANA MENTERI, TUN HUSSEIN ONN BARU-BARU INI MEMBAYANGKAN LANGKAH SEPERTI ITU ADALAH WAJAR SEMENTARA MENUNGGU KRISIS ITU SELESAI.

DITANYA BILA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL AKAN DIADAKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA, +KAMI BELUM MENETAPKAN APA-APA LAGI.+

MENGENAI PERATURAN YANG MELARANG PARA MENTERI KABINET DARIPADA MENGETUAI BADAN SUKAN, BELIAU BERKATA INI UNTUK MEMBOLEHKAN ORANG LAIN MELAHIRKAN PANDANGAN MEREKA TANPA SEBARANG GANGGUAN.

BEBERAPA ORANG MENTERI, KATANYA, TERKECUALI DARIPADA PERATURAN ITU ATAS +SEBAB-SEBAB TERTENTU+. -- BERNAMA

1659MST 16 11 85